



MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU



www.mbjb.gov.my



facebook.com/mbjbrasmi



[mbjbrasmi](https://www.instagram.com/mbjbrasmi)

Lenসা

Bandar Raya JB

LENSA MBJB BIL. 2/2022

APRIL - JULAI 2022

MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU JAYAKAN PELANCARAN JOHOR BERSIH



➤ PORTAL GEOJB MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU DIKTIRAF DI ESRI MALAYSIA GEOINNOVATION AWARDS 2021

➤ PERASMIAN INSEKTORIUM JABATAN KESIHATAN NEGERI JOHOR & MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

➤ MBJB SEMARAK PROGRAM BERSIH BANDAR BERSAMA DATUK BANDAR JOHOR BAHRU

➤ MEMORANDUM PERSEFAHAMAN ANTARA MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU & THINK CITY



PENERBITAN RASMI MBJB

ISI KANDUNGAN

SIDANG PENGARANG 'LENSA BANDAR RAYA JB'

4	- MAJLIS PERASMIAN INSEKTORIUM JABATAN KESIHATAN JOHOR & MBBJ
5	- RUMAH TERBUKA AIDILFITRI - PROGRAM BUBUR LAMBUK MEGA
6	- LAWATAN PEMERIKSAAN SISTEM DATA PERIBADI - PORTAL GEOJB MBBJ DIKTIRAF
7	- MOU MBBJ & THINK CITY - LAWATAN MBBJ KE CCC
8	- INFO LAWATAN
9	- INFO KURSUS
10	- DARI KACA LENSA
11	- MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG & SANJUNGAN BUDI
12 & 13	- PELANCARAN JOHOR BERSIH
14	- PROGRAM BERSIH BANDAR BERSAMA DATUK BANDAR - LAWATAN PANEL SSR-PBT
15	- KILAS LENSA
16 & 17	- PROGRAM ZON AHLI MAJLIS & LA21
18 & 19	- MBBJ SANA SINI

PENAUNG

Dato' Haji Mohd. Noorazam bin Dato' Haji Osman
Datuk Bandar

PENASIHAT 1

Haji Miswan bin Yunus
Setiausaha

PENASIHAT 2

Ir. Hajah Nazatul Shima binti Mohamad
Timbalan Setiausaha

KETUA PENGARANG

Encik Harulisam bin Ismail

SIDANG PENGARANG

Encik Muhammad Iqbal Arami bin Mohamed Sharif
Puan Hidayah binti Yusof
Cik Nurul Shafina binti Shaari
Puan Norasmah binti Mohd Adros

JURUFOTO

Haji Bahri bin Abdullah
Encik Romzi bin Yusof

URUS SETIA

*Unit Penerbitan,
Bahagian Korporat dan
Perhubungan Awam,
Majlis Bandaraya Johor Bahru.*

LENSA BANDAR RAYA JB diterbitkan oleh Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru dan diedarkan secara PERCUMA. Kami sangat mengalu-alukan sumbangan idea berupa artikel, cadangan atau komen daripada anda. Sila hantarkan cetusan kreatif anda kepada:

**Unit Penerbitan,
Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam,
Majlis Bandaraya Johor Bahru**

HAK CIPTA TERPELIHARA. Sebarang bahagian dalam penerbitan ini tidak boleh diulang cetak atau disiarkan dalam apa-apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau lain-lain, sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam, Majlis Bandaraya Johor Bahru.

DIREKTORI TELEFON MBBJ

JABATAN / BAHAGIAN	NO TELEFON
PEJABAT DATUK BANDAR	07-228 2600
PEJABAT SETIAUSAHA	07-228 2626
PEJABAT TIMB. SETIAUSAHA	07-228 2510
JABATAN PENGURUSAN	
BAHAGIAN KORPORAT & PERHUBUNGAN AWAM	07-219 8055
TALIAN AM	07-219 8000
TALIAN BEBAS TOL	1-300-88-0146
BAHAGIAN UNDANG-UNDANG	07-219 8256
BAHAGIAN AUDIT DALAM	07-219 8268
BAHAGIAN UKUR BAHAN	07-219 8042
BAHAGIAN INTEGRITI	07-219 8117
BAHAGIAN PESURUHJAYA BANGUNAN (COB)	07-219 8273
UNIT PUSAT SETEMPAT (OSC)	07-219 8285
BAHAGIAN SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI (GIS)	07-219 8197
JABATAN PELESENAN	
BAHAGIAN PELESENAN (PENTADBIRAN)	07-219 8295
BAHAGIAN PELESENAN (IKLAN)	07-219 8297

JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN	
BAHAGIAN TEKNOLOGI MAKLUMAT	07-219 8070
BAHAGIAN SUMBER MANUSIA	07-219 8184
BAHAGIAN PENTADBIRAN	07-219 8170
UNIT DASAR, INOVASI & LATIHAN	07-219 8159
UNIT HALEHWAL ISLAM	07-219 8210
UNIT MESYUARAT	07-219 8022
JABATAN KEWANGAN	
BAHAGIAN HASIL	07-219 8028
BAHAGIAN PERBELANJAAN	07-219 8091
JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA	
PEJABAT PENGARAH & PENSWASTAAN	07-219 8225
BAHAGIAN PENGURUSAN HARTA	07-219 8219
UNIT TUNGGAKAN CUKAI HARTA	07-219 8233
UNIT TEKNIKAL/UNIT PENILAI	07-219 8232
JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN	
JABATAN PERANCANGAN PEMBANGUNAN	07-219 8241
BAHAGIAN KAWALAN PERANCANGAN	07-219 8217
BAHAGIAN PERANCANGAN PEMAJUAN & PENGANTARABANGSAAN	07-219 8245

JABATAN KAWALAN BANGUNAN	
BAHAGIAN KAWALAN BANGUNAN	07-219 8119
BAHAGIAN PENGUATKUASAAN BANGUNAN	07-219 8206
BAHAGIAN PROJEK BANGUNAN	07-219 8145
JABATAN KERJA AWAM	
BAHAGIAN KERJA AWAM	07-219 8101
BAHAGIAN SALIRAN	07-219 8125
BAHAGIAN JALAN	07-219 8135
JABATAN-JABATAN LAIN	
JABATAN PENGANGKUTAN BANDAR	07-227 7235
JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT	07-219 8039
JABATAN KESIHATAN	07-228 2564
JABATAN PENGUATKUASAAN	07-227 1041

PERANGI RASUAH!



PUNCA-PUNCA RASUAH

- Kurang sokongan & kesedaran
- Kelemahan penguatkuasaan
- Sosial & budaya
- Kuasa politik

KESAN-KESAN RASUAH

- Mencemarkan imej & kredibiliti negara
- Pembangunan tidak seimbang & saksama
- Menyebabkan pentadbiran negara menjadi lemah

CARA MENGELAKKAN RASUAH

- Komitmen untuk menggalakkan nilai integriti ketelusan & tadbir urus yang baik
- Penguatan sistem kawalan dalaman yang menyokong pencegahan rasuah
- Pembanterasan segala bentuk gejala rasuah

**"JANGAN TERIMA
APA-APA JENIS SUMBANGAN"**



Majlis Perasmian Insektorium Jabatan Kesihatan Negeri Johor dan Majlis Bandaraya Johor Bahru

Pada 7 April 2022, telah diadakan Majlis Perasmian Insektorium Jabatan Kesihatan Negeri Johor dan Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) bertempat di Bilik CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Johor. Pewujudan insektorium ini merupakan satu usaha dan manifestasi MBJB dalam merealisasikan agenda bandar pintar, selamat dan lestari Johor Bahru atau dalam kata lain *'Making Johor Bahru a Smart, Safe and Sustainable City'*.

Insektorium ini telah dibina di atas bangunan sedia ada milik Jabatan Kesihatan Negeri, Jalan Persiaran Permai dengan kos pembinaan sebanyak RM 328,050.00 yang ditanggung sepenuhnya oleh MBJB.

Terdahulu, satu memorandum persefahaman di antara pihak MBJB dan Jabatan Kesihatan Negeri Johor telah dimeterai pada 4 Mei 2021. Antara intipati memorandum tersebut termasuklah MBJB menyerahkan insektorium kepada Jabatan Kesihatan Negeri Johor setelah siap kerja baik pulih dan menaiktaraf pengurusan operasi dan penyelenggaraan insektorium oleh Jabatan Kesihatan Negeri Johor; pelepasan nyamuk berwolbachia oleh Jabatan Kesihatan Negeri Johor di kawasan-kawasan MBJB yang memenuhi kriteria; penyebaran informasi dan promosi oleh Jabatan Kesihatan Negeri serta mewujudkan penglibatan dan kerjasama masyarakat dalam program pelepasan nyamuk berwolbachia dalam kawasan MBJB.





RUMAH TERBUKA AIDILFITRI MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

Rumah Terbuka Aidilfitri Majlis Bandaraya Johor Bahru telah diadakan di Dewan Jubli Intan Sultan Ibrahim pada 18 Mei 2022 bertemakan "Ramadan Dimulikan, Syawal Diraikan". Program yang bermula pada jam 10.00 pagi hingga 3.00 petang itu diserikan dengan kehadiran para jemputan dari pelbagai agensi sama ada awam mahupun swasta.

Turut hadir ke program ini ialah YAB Datuk Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor, YB Dato' Dr. Haji Abdul Rahim bin Ramli, Yang Dipertua Jumaah Majlis Diraja Johor, YB Dato' Haji Mohd Jafni bin Md Shukor, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor, serta mantan-mantan Datuk Bandar, Setiausaha dan ketua-ketua jabatan Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Datuk Bandar Johor Bahru turut berkesempatan meraikan dan menyantuni 30 orang anak-anak yatim dari Pusat Jagaan Kasih Setinggi, Johor Bahru, yang turut hadir ke program ini.

Pelbagai juadah disediakan untuk dinikmati para tetamu antaranya ketupat, lemang, rendang, roti jala, martabak, burasak, kambing golek, nasi beriani dan banyak lagi. Terima kasih kepada warga bandar raya yang telah hadir memeriahkan acara ini.



PROGRAM BUBUR LAMBUK MEGA MJB & YAYASAN JDT

Program Bubur Lambuk Mega MJB dan Yayasan JDT (Rewang Ramadan) telah diadakan di Tunku Mahkota Ismail Youth Centre (TMIYC), Johor Bahru. Program ini merupakan anjuran Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dengan kerjasama Yayasan JDT yang telah berlangsung pada 12 April 2022.

Sebanyak 35 periuk tersedia untuk memasak bubur lambuk ini dan sebanyak 10,000 bungkusan bubur telah diedarkan melalui edaran pandu lalu, penghantaran ke lokasi-lokasi terpilih serta edaran daripada pengendali penghantaran bermotosikal 'rider'.

Edaran secara pandu lalu (drive through) telah diadakan di lokasi sekitar bandar raya Johor Bahru termasuk di Jalan Lingkaran Dalam bersebelahan Dataran Bandaraya Johor Bahru, Pejabat MJB Jalan Dato' Onn, Stadium Tan Sri Dato' Haji Hassan Yunus, Larkin dan di TMIYC Johor Bahru.

Edaran bubur lambuk mega ini turut diserahkan juga kepada pihak masjid, rumah-rumah perlindungan, Hospital Sultanah Aminah, Hospital Sultan Ismail dan Rumah Pangsa Taman Desa Mutiara.





LAWATAN PEMERIKSAAN SISTEM DATA PERIBADI DARI JABATAN PERLINDUNGAN DATA PERIBADI MALAYSIA KE MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

Pada 18 April 2022, telah diadakan lawatan pemeriksaan sistem data peribadi pengguna data di bawah Seksyen 48 Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dari Jabatan Perlindungan Data Peribadi Malaysia ke Majlis Bandaraya Johor Bahru.

Lawatan ini telah diketuai oleh YBrs. Tuan Mazmalek bin Mohamad, Ketua Pengarah JPDP/Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi bersama empat orang Penolong Pesuruhjaya dari Pejabat Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi.

Sebelum sesi lawatan pemeriksaan dijalankan yang melibatkan tiga jabatan iaitu Bahagian Teknologi Maklumat, Jabatan Pelesenan serta Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, YBrs. Tuan Mazmalek bin Mohamad telah memberikan taklimat berkaitan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 kepada pegawai dan anggota Majlis Bandaraya Johor Bahru.



PORTAL GEOJB MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU DIKTIRAF DI ESRI MALAYSIA GEOINNOVATION AWARDS 2021

Portal GeoJB Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) telah diiktiraf sebagai salah satu portal berasaskan teknologi geospasial yang terbaik di Malaysia. Majlis penyampaian anugerah telah berlangsung pada 25 Mei 2022, bertempat di Hotel Hilton Kuala Lumpur.

Portal ini merupakan pangkalan data terbuka kepada orang awam dan juga untuk kegunaan warga MBJB. Portal ini juga merupakan satu 'platform' data yang menghubungkan pelbagai sistem dalaman MBJB. Penggunaan teknologi geospasial membantu meningkatkan tahap keberkesanan pengurusan bandar raya Johor Bahru yang mana keputusan dibuat berasaskan data dan fakta yang tepat, terkini dan mudah diakses.

Orang awam boleh mendapatkan pelbagai informasi mengenai bandar raya Johor Bahru melalui galeri data terbuka portal GeoJB menerusi pautan:

<https://geojb.gov.my/gisportal/apps/sites/#/mbjb-geojb>





MEMORANDUM PERSEFAHAMAN MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU & THINK CITY

Pada 31 Mei 2022, sebuah memorandum persefahaman (MOU) telah dimeterai antara pihak Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dan *Think City*. Persefahaman ini bakal mengukuhkan lagi kerjasama antara pihak *Think City* dan MBJB dalam pelaksanaan Program Peremajaan Bandar (*Urban Regeneration Programme*) di bawah Program Transformasi Johor Bahru (*Johor Bahru Transformation Programme*). Oleh kerana Program Transformasi Johor Bahru sudah berlangsung selama 12 tahun, jalinah kerjasama antara pihak MBJB dan penglibatan komuniti dan pihak berkepentingan perlu diperluas bagi menyokong aspirasi dan usaha memelihara dan memulihara kepelbagaian aset warisan dan budaya di pusat bandar Johor Bahru serta menanamkan rasa kepunyaan (*sense of belonging*) terhadap kawasan setempat.



SESI LAWATAN MBBJ KE KUALA LUMPUR CONTROL & COMMAND CENTRE DBKL

Pada 7 Jun 2022, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) berkesempatan membuat lawatan penandaarasan ke Kuala Lumpur Control and Command Centre DBKL yang diketuai oleh YB Dato' Haji Mohd Noorazam bin Dato' Haji Osman, Datuk Bandar Johor Bahru. Lawatan teknikal ini bertujuan mendapatkan maklumat lanjut mengenai pengendalian kamera litar tertutup (CCTV) yang diguna pakai di Kuala Lumpur Control and Command Centre DBKL. Delegasi MBBJ seramai 30 orang telah dibawa melawat ke Kuala Lumpur Command and Control Centre dan telah disambut oleh YBhg. Datuk Hj. Azmi bin Abdul Hamid, Pengarah Eksekutif Pengurusan Projek DBKL. Taklimat berkaitan lawatan telah disampaikan oleh Encik Yu Chuan Hock, Pengarah Jabatan Pengangkutan Bandar.





LAWATAN DARI MAJLIS LUAR BANDAR SIBU 13 April 2022

Perkongsian ilmu berkaitan pengurusan sisa yang diuruskan oleh Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dan sistem kamera litar tertutup "CCTV" MBJB dengan menggunakan talian tanpa wayar yang digunakan di MBJB.



LAWATAN SAMBIL BELAJAR DARI MAJLIS BANDARAYA ISKANDAR PUTERI 21 April 2022

Mempelajari mengenai Sistem Aplikasi "Integrated Enforcement System" dan penggunaannya dalam pengurusan organisasi.



KUNJUNGAN HORMAT DARIPADA PRESIDEN CUEPACSMALAYSIA 24 Mei 2022

Datuk Bandar Johor Bahru menerima kunjungan hormat daripada YBhg. Dato' Haji Adnan bin Mat, Presiden CUEPACS Malaysia, bersama-sama pegawai tertinggi CUEPACS Malaysia. Pelbagai perkara telah dibincangkan bersama termasuk kerjasama MBJB bersama CUEPACS, perkongsian idea dalam aspek kebajikan penjawat awam Malaysia termasuk di PBT, serta pemakluman berkaitan cadangan-cadangan terkini CUEPACS kepada kerajaan Malaysia.



LAWATAN DARI MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA 25 Mei 2022

Delegasi dari Majlis Bandaraya Petaling Jaya diketuai oleh TPr. Sharipah Marhaini binti Syed Ali bersama-sama Timbalan Datuk Bandar Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan barisan Ahli Majlis dan pegawai-pegawai. Delegasi telah disambut oleh Puan Ir. Hajah Nazatul Shima Mohamad, Timbalan Setiausaha Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) bersama para pegawai MBJB. Lawatan ini bertujuan berkongsi pengalaman dan amalan terbaik dalam pengurusan kawalan perancangan bagi aktiviti yang dibenarkan dijalankan di bangunan kediaman.



Info LAWATAN



LAWATAN KERJA DARI JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA 19 Jun 2022

Perkongsian ilmu berkaitan pengurusan kenderaan sita yang dilaksanakan di Majlis Bandaraya Johor Bahru.



LAWATAN KERJA DARI MAJLIS DAERAH SARIKEI 28 Jun 2022

Delegasi Majlis Daerah Sarikei (MDS) diketuai oleh Cr. Wong Zee Yeng bersama barisan Ahli Majlis dan pegawai dari MDS. Lawatan ini bertujuan mempelajari kaedah yang dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) dalam memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan atas talian dan laman web MBJB. Di samping itu, delegasi ingin mempelajari tentang kawalan perancangan dan pembangunan kawasan seliaan MBJB yang menyokong pembangunan industri pelancongan serta meningkatkan ekonomi tempatan.

INFO KURSUS

BENKEL PELUPUSAN FAIL

11 MEI 2022

Pendedahan ilmu berkaitan kaedah pelupusan fail yang betul dan perlu dilaksanakan oleh anggota Majlis Bandaraya Johor Bahru agar tidak berlaku ketirisan maklumat atau kecaciran dokumen yang bersifat sulit.



BENKEL PENYELARASAN 'THE GREATER JOHOR BAHRU'

17 MEI 2022

Bengkel ini diadakan bertujuan memperincikan dan menghasilkan 'output' pelan tindakan yang mengandungi tindakan dan program, indikator prestasi bagi setiap tindakan, tahun sasaran dan kos yang terlibat bagi pelaksanaan 10 tonggak 'The Greater Johor Bahru'.



KURSUS MS ISO 9001:2015 AUDIT DALAMAN

17 MEI 2022

Pendedahan mengenai prosedur dan kriteria untuk mencapai standard piawai MS ISO 9001: 2015 untuk digunakan dalam pengurusan pentadbiran Majlis Bandaraya Johor Bahru.



BENKEL PEMANTAPAN PENGURUSAN RISIKO

22 MEI 2022

Perkongsian maklumat berkenaan langkah untuk mengawal dan melindungi dokumen, data atau maklumat pekerja mahupun pelanggan yang berurusan di Majlis Bandaraya Johor Bahru.



BENKEL BERKAITAN DOKUMEN DAN LAPORAN PENILAIAN SEBUT HARGA DAN TENDER

25 MEI 2022

Perkongsian ilmu berkenaan tatacara untuk anggota menyediakan dokumen dan pelaporan untuk menilai pembekal atau kontraktor yang dilantik oleh pengurusan Majlis Bandaraya Johor Bahru.



SEMINAR 'GREEN BUILDING & UNIVERSAL DESIGN' DALAM PEMBANGUNAN MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

17 MEI 2022

Pendedahan ilmu mengenai keberkesanan penggunaan reka bentuk yang universal berserta elemen bangunan hijau untuk menjadikan sesebuah bangunan kediaman, premis atau organisasi bersifat mesra alam dan kondusif.



Dari KACA LENSA

Ramadan tahun 2022 bersamaan 1443H ini menyaksikan Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) giat menyemarakkan program Ihya' Ramadan bersempena bulan mulia tersebut. MBJB turut berpeluang merakam antara program yang dilaksanakan pada bulan Ramadan tahun ini.



IFTAR BERSAMA
DATUK BANDAR
JOHOR BAHRU DI
MASJID STULANG
LAUT

10 APRIL 2022

PROGRAM PENYERAHAN
KURMA & BUBUR
LAMBUK BERSAMA
PIHAK MAGGI,
PUSPANITA, PPBJB &
KOPERASI KERAJAAN

10 APRIL 2022



IFTAR BERSAMA
DATUK BANDAR
JOHOR BAHRU DI
MASJID AL-FALAH
TAMAN DESA
JAYA

17 APRIL 2022



PROGRAM KHATAM
AL-QURAN,
TAZKIRAH &
PENYAMPAIAN
SUMBANGAN
DARIPADA
PUSPANITA &
PPBJP

21 APRIL 2022



PROGRAM MENCARI
LAILATUL QADAR DI
MASJID BANDAR BARU
UDA

23 APRIL 2022



PROGRAM
EDARAN AYAM &
DAGING KEPADA
ANGGOTA MBJB

26 APRIL 2022



PROGRAM
MENCARI LAILATUL
QADAR DI MASJID
KG. MELAYU

21 APRIL 2022





MAJLIS KERAJIAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG & SANJUNGAN BUDI

Majlis Keraian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dan Sanjungan Budi 2021 telah diadakan pada 30 Mei 2022 bertempat di Dewan Kenanga, Menara Majlis Bandaraya Johor Bahru. Seramai 105 warga kerja telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, 19 penerima Anugerah Khidmat Bakti (atas perkhidmatan selama 25 tahun), serta dua orang penerima Anugerah Khas Datuk Bandar dan Anugerah Pekerja Unggul. Majlis hari ini turut meraikan 43 warga kerja MBBJ yang telah bersara dan akan bersara pada tahun 2022.

Dalam ucapan YB Dato' Haji Mohd Noorazam bin Dato' Haji Osman, Datuk Bandar Johor Bahru, beliau telah menekankan betapa pentingnya pembentukan 'character building' warga kerja MBBJ secara konsisten menerusi penambahan ilmu pengetahuan, perkongsian amalan terbaik, penandaarasan selain melalui amalan inovasi yang berterusan.

Datuk Bandar Johor Bahru turut berkesempatan untuk menitipkan pesanan kepada warga kerja MBBJ mengenai 'The 8 Habits of Efficient Employees' dalam usaha organisasi MBBJ meneruskan perkhidmatan cemerlang demi kesejahteraan warga bandar raya Johor Bahru.

Tahniah diucapkan kepada semua penerima anugerah perkhidmatan cemerlang pada tahun ini.



Majlis Pelancaran **JOHOR BERSIH**

dimikan Oleh
YAB DATUK ONN HAFIZ GHAZI
Menteri Besar JOHOR

2 JULAI 2022
DIREKTORAT
BTU • 8.30 PAGI
ATKUSAN MBBJ



Majlis

PELANCARAN JOHOR BERSIH

Pada 2 Julai 2022, YAB Datuk Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor, telah melancarkan program Johor Bersih di Jalan Segget, Johor Bahru.

Johor Bersih ini dilaksanakan untuk menjadikan negeri Johor sebagai negeri yang paling bersih, ceria dan indah di negara ini selain memupuk semangat menjaga kebersihan bandar raya dalam diri rakyat khususnya di negeri Johor.

'Key Performance Index' atau KPI 100 hari telah diberikan kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negeri Johor untuk memastikan kawasan persekitaran PBT masing-masing sama ada di jalan raya, kawasan pejalan kaki, sungai, pantai dan lain-lain berada dalam keadaan bersih, indah, selamat dan ceria. Tambahan lagi, kebersihan ini bukan sahaja perlu diberi keutamaan untuk 100 hari sahaja, bahkan perlu dijadikan rutin dan budaya warga bandar raya pada setiap hari.

YAB Menteri Besar Johor turut memberi amanat agar bandar raya Johor Bahru dijadikan bandar raya paling mampan dan berdaya huni di negara ini.

Turut hadir ke program tersebut ialah YB Dato' Mohd Haji Jafni bin Md Shukor, Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor, Datuk Bandar Johor Bahru, Pengarah Kesihatan Negeri Johor, Setiausaha Bahagian Kerajaan Tempatan Negeri Johor, Pengarah SW Corp Negeri Johor, warga kerja Majlis Bandaraya Johor Bahru, wakil-wakil rakyat, badan bukan kerajaan (NGO), penduduk dan peniaga di sekitar pusat bandar Johor Bahru.





Di sekitar majlis.....





PROGRAM BERSIH BANDAR BERSAMA DATUK BANDAR JOHOR BAHRU

Pada 13 Jun 2022 telah diadakan program "Bersih Bandar Bersama Datuk Bandar Johor Bahru" di sekitar pusat bandar raya Johor Bahru. Program ini merupakan sebahagian usaha untuk memupuk amalan kebersihan dalam kalangan warga bandar raya. Selain unit dalaman dan anggota Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), program ini turut melibatkan pihak SW Corp, SWM Environment, sukarelawan Southern Volunteers, MRT Corporation, Kärcher Malaysia serta peniaga-peniaga di pusat bandar Johor Bahru dengan anggaran jumlah keseluruhan seramai 200 orang.

Antara aktiviti yang dijalankan dalam program ini termasuklah aktiviti pembersihan kawasan pejalan kaki selain aktiviti 'litter picking' di sekitar Jalan Segget. Program cucian dan pembersihan ini akan dilaksanakan secara berterusan oleh MBJB di kawasan-kawasan lain dari semasa ke semasa. Ayuh bersama kita membudayakan amalan kebersihan di bandar raya ini.



LAWATAN PANEL PENILAIAN SISTEM PENARAFAN BINTANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN TAHUN 2022

Pada 27 Jun 2022, Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB) menerima lawatan Panel Penilaian Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) di Menara MBJB bagi tujuan penilaian SPB-PBT di organisasi ini.

Panel penilai SPB-PBT ini diketuai oleh Tuan Ir. Hilmi bin Md Tahir, Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Perunding Kejuruteraan Awam selaku Ketua Panel, bersama-sama Encik Mohammad Khatib @ Fazri bin Amran, Encik Mohamad Bukhari bin Che Man dan Encik Muhamad Nurul Fairus bin Mukarateh dari Jabatan Kerajaan Tempatan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Penilaian SPB-PBT ini telah diperkenalkan oleh KPKT untuk menilai tahap prestasi PBT dalam menjalankan peranannya bagi penyampaian perkhidmatan. Antara kriteria yang dinilai termasuklah dari segi pengurusan, perkhidmatan-perkhidmatan teras, pengurusan pelanggan, penyertaan komuniti dan pandangan penduduk.



KILAS LENS



KUNJUNGAN HORMAT DARI BAHAGIAN PERUNDING KAWALAN PEMAJUAN, JABATAN KERAJAAN TEMPATAN



Pada 16 Mei 2022, delegasi yang diketuai oleh Ar. Mohamad Nazli bin Ramli, Pengarah Bahagian Perunding Kawalan Pemajuan Jabatan Kerajaan Tempatan bertujuan membincangkan jalinan kerjasama bagi mengadakan Seminar Pemantapan Sistem Penyampaian Proses dan Prosedur Cadangan Pemajuan Zon Selatan. Seminar tersebut diadakan untuk berkongsi hasil penemuan Audit Pematuhan OSC3.0 Plus bagi tahun 2021 dan 2022 serta perkongsian pelaksanaan Manual OSC 3.0 Plus di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan.

PENGUATKUASAAN BERSEPADU TERHADAP OPERASI GERAI HARAM



Pada 22 Mei 2022, operasi penguatkuasaan secara bersepadu telah dilaksanakan dan diketuai oleh Jabatan Penguatkuasaan MBBJ bersama PDRM (Balai Polis Desa Cemerlang), Unit Tindakan Cepat MBBJ dan Tenaga Nasional Berhad di lima buah premis (warung tanpa kebenaran) di Jalan Istimewa 5, Taman Desa Cemerlang, Ulu Tiram. Hasil pemeriksaan mendapati premis telah melakukan kesalahan mendirikan struktur binaan tanpa kebenaran yang boleh menyebabkan halangan di tempat awam. Tindakan telah diambil di bawah peruntukan Seksyen 46(1) a Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Akta 133). Tindakan sitaan dan meroboh telah dilaksanakan setelah pemilik gagal mematuhi notis amaran yang telah diberikan sebelum ini.

SESI LAWATAN PANEL PENILAI ASEAN PUBLIC TOILETS STANDARD AWARD 2023-2025



Pada 2 Jun 2022, sesi lawatan panel penilai ASEAN Public Toilets Standard Award 2023-2025 telah diadakan di Menara MBBJ dan Dataran Bandaraya Johor Bahru. Panel penilai diketuai oleh Cik Sharlene Hong Xiao Yun dari Bahagian Dasar Pelancongan dan Hubungan Antarabangsa, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) bersama-sama para pegawai dari MOTAC. Sesi penilaian hari ini memberi pengalaman berharga serta pengetahuan baharu dalam meletakkan suatu penandaarasan terhadap kualiti tandas awam di bandar raya ini dan seterusnya menambahbaik perkhidmatan kepada pelanggan.

JB CAR FREE DAY EDISI JUN 2022 MERIAH



Pada 11 Jun 2022, program JB Car Free Day kembali diadakan bertempat di hadapan bangunan pejabat Majlis Bandaraya Johor Bahru di Jalan Dato' Onn. Kemeriahan JB Car Free Day Edisi Jun 2022 ini diserikan dengan kehadiran ratusan peserta dari dalam dan luar negara. Pelbagai aktiviti riadah menarik diadakan antaranya fun walk, sukan berbasikal, liga kampung (permainan tradisional), senaman J-robik, sukan memanah, permainan papan selaju dan sebagainya. Sekalung penghargaan dan terima kasih kepada semua rakan strategik dan warga bandar raya yang hadir serta memberikan kerjasama baik sepanjang berlangsungnya program ini.



PROGRAM BUBUR LAMBUK MEGA DI PPR
SRI STULANG, ZON BAKAR BATU
(16 APRIL 2022)



PROGRAM BUBUR LAMBUK DI CARYOTA
SQUARE, SETIA TROPIKA ZON DATO' ONN
(9 APRIL 2022)



IFTAR BERSAMA-AHLI MAJLIS ZON
BANDAR DI ORENJI CAFE, KG.TAROM
(23 APRIL 2022)



Program

ZON AHLI



PROGRAM EDARAN BUBUR LAMBUK ZON
AUSTIN DUTA DI TAMAN IMPIAN JAYA
(23 APRIL 2022)



PENYERAHAN KUNCI RUMAH BANGSA
JOHOR DI BANDAR DATO' ONN
(27 APRIL 2022)



SAMBUTAN HARI RAYA ZON PERMAS
JAYA DI DEWAN TERBUKA PERMAS JAYA
(14 MEI 2022)



PENYERAHAN SIJIL KECEMERLANGAN
KOMUNITI KEBUN KEJIRANAN ZON
PERMAS JAYA DI JALAN PERMAS 7
- 22 JUN 2022



PENYERAHAN SIJIL KECEMERLANGAN
KOMUNITI KEBUN KEJIRANAN ZON
LARKIN DI JALAN TIONG, LARKIN
(21 JUN 2022)



SESI "TOWNHALL" ZON KG MELAYU &
TAMAN SURIA DI DEWAN KG. MELAYU
(19 JUN 2022)

MAJLIS & LA 21



GOTONG-ROYONG DI PPR DESA MELAYU
(12 JUN 2022)



SAMBUTAN HARI RAYA ZON DESA
CEMERLANG DI TAMAN MALURI,
ULU TIRAM
(29 MEI 2022)



MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH
PERTANDINGAN PENCAHAYAAN &
KECERIAAN SERTA JAMUAN HARI RAYA
BAZAR JB, ZON BANDAR DI HOTEL
SENTRAL (30 MEI 2022)



"X GAMES CHALLENGE"
DI TUNKU MAHKOTA ISMAIL
YOUTH CENTRE (TMIYC)
TARIKH: 1 APRIL 2022



PENYERAHAN SUMBANGAN
DARIPADA DATUK BANDAR
JOHOR BAHRU KEPADA
PELUMBA BASIKAL OKU UNTUK
KE BRAZIL
TARIKH: 18 APRIL 2022



PENYERAHAN CEK
SUMBANGAN UNTUK
PENIAGA-PENIAGA KECIL
KEPADA YAYASAN
BANDARAYA JOHOR BAHRU
TARIKH: 27 APRIL 2022

MBJB



SANA



Bungkusan Kuih Raya
ada Petugas MBJB Yang Bertugas
Pada 1 Syawal 1443H

PENYAMPAIAN SUMBANGAN
BUNGKUSAN KUIH RAYA
KEPADA ANGGOTA MBJB
YANG BERTUGAS PADA
1 SYAWAL 1443H
TARIKH: 28 APRIL 2022



PENYERAHAN BUNGKUSAN
HARI RAYA KEPADA PRESIDEN
MEDIA JOHOR
TARIKH: 28 APRIL 2022



PERTANDINGAN TANDAS
BERSIH KATEGORI BANGUNAN
KERAJAAN-OLEH PANEL KPKT
DI MENARA MBJB
TARIKH: 17 MEI 2022



MAJLIS "FLAG OFF"
PERKHIDMATAN KERETA API
"SHUTTLE" TEBRAU DI JB
SENTRAL
TARIKH: 29 MAC 2021



PERASMIAN HOTEL ST.GILES
OLEH DATUK BANDAR JOHOR
BAHRU
TARIKH: 18 JUN 2022



AMANAT MENTERI BESAR
JOHOR KEPADA
PEGAWAI-PEGAWAI
KERAJAAN DI PERSADA
JOHOR
TARIKH: 14 JUN 2022

SINI



PERJUMPAAN DATUK BANDAR
JOHOR BAHRU BERSAMA
PETUGAS BARISAN HADAPAN
MBJB
TARIKH: 12 JUN 2022



PERBINCANGAN PBT JOHOR
BERSAMA EXCO PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN
TARIKH: 23 MEI 2022



TINJAUAN EXCO PERUMAHAN
BERSAMA DATUK BANDAR
JOHOR BAHRU KE PUSAT
BANDAR JOHOR BAHRU
TARIKH: 1 JUN 2022

MISI PERKHIDMATAN PELANGGAN

Memberikan Perkhidmatan Pelanggan Yang Efisien Dan Mesra Kepada Pelanggan

JADUAL WAKTU URUSAN PEJABAT MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU

MENARA MBJB, PEJABAT
JALAN DATO' ONN & JOTIC

HARI	JAM
AHAD - RABU	8.00 PAGI - 5.00 PETANG
KHAMIS	8.00 PAGI - 3.30 PETANG
WAKTU REHAT	1.00 TENGAH HARI - 2.00 PETANG
JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM	TUTUP

KAUNTER SETEMPAT
(PEJABAT JALAN DATO' ONN)

HARI	JAM
AHAD - RABU	8.00 PAGI - 5.00 PETANG
KHAMIS	8.00 PAGI - 3.30 PETANG
JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM	TUTUP

PEJABAT CAWANGAN PERMAS JAYA

HARI	JAM
AHAD - RABU	9.00 PAGI - 4.00 PETANG
KHAMIS	9.00 PAGI - 1.00 TENGAH HARI
JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM	TUTUP

PEJABAT CAWANGAN JOHOR JAYA

HARI	JAM
AHAD - RABU	9.00 PAGI - 4.00 PETANG
KHAMIS	9.00 PAGI - 3.00 PETANG
JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM	TUTUP

PUSAT TRANSFORMASI BANDAR
(UTC) GALLERIA@KOTARAYA

HARI	JAM
AHAD - KHAMIS	8.00 PAGI - 5.00 PETANG
JUMAAT & SABTU	8.00 PAGI - 5.00 PETANG
JUMAAT, SABTU & KELEPASAN AM	TUTUP

*TERTAKLUK KEPADA PINDAAN



MENARA MAJLIS BANDARAYA JOHOR BAHRU
No. 1, Jalan Lingkaran Dalam,
Bukit Senyum, 80300 Johor Bahru,
Johor Darul Ta'zim.



07 - 219 8000



07 - 223 0619



1-300-88-0146



019-778 8212



mbjb.spab.gov.my



info@mbjb.gov.my

